

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
MESYUARAT , PENGGAL KE(NOT SET)
PARLIMEN KE(NOT SET)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24 Julai 2013

SOALAN

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sama ada Kementerian telah menjalankan kempen kesedaran kepada ibu bapa dan remaja sekolah berkaitan kes-kes membabitkan perkahwinan bawah umur hasil daripada hubungan sulit remaja dengan lelaki dewasa dan kes rogol remaja bagi tempoh lima tahun kebelakangan ini.

JAWAPAN

Berdasarkan kepada Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia ke-4 (KPKM-4) yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada tahun 2004, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengenal pasti bahawa gejala sosial yang sering melibatkan golongan remaja ialah kegiatan seks luar nikah, pelacuran dan pembuangan bayi / kelahiran anak luar nikah. Sehubungan itu, KPWKM telah mengorak langkah untuk merangka dan melaksanakan pelbagai program berbentuk pencegahan dengan memberi kesedaran kepada ibu bapa dan remaja mengenai salah laku seksual dan kesan ke atas institusi kekeluargaan. Dalam hal ini, Dasar Kesihatan Reprouktif dan Sosial yang diluluskan oleh kerajaan pada tahun 2009 menjadi titik tolak dalam merangka strategi untuk kesihatan reproduktif selain membantu golongan remaja dan ibu bapa menangani isu rogol bawah umur dan perkahwinan bawah umur. Seterusnya inisiatif lain yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan adalah seperti berikut:

1. Program Pencegahan Jenayah SEKATA KPWKM melalui LPPKN telah menjalankan Program Pencegahan Jenayah SEKATA (Keselamatan Keluarga Tanggungjawab Kita). Antara program yang dijalankan di bawah program SEKATA ialah kursus keibubapaan anak remaja dan pendidikan kesihatan reproduktif remaja kepada komuniti setempat dilaksanakan dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sebagai salah satu usaha untuk mencegah masalah sosial. Program kerjasama ini menggembung dan menggerakkan peranan ahli keluarga dan komuniti menerusi 155 NGO untuk melaksanakan lebih 961 program dalam komuniti setempat bagi menguahkan institusi kekeluargaan untuk membantu menangani permasalahan sosial dalam masyarakat. Hingga Mei 2013, sebanyak 160 program telah dilaksanakan melibatkan penyertaan 12,679 orang peserta.
2. Pendidikan Kesihatan Reprouktif KPWKM melalui LPPKN telah membangunkan modul Pendidikan Kesihatan Reprouktif bagi meningkatkan kemahiran ibu bapa dan remaja berkaitan isu-isu seksualiti seperti berikut:
 - i) Modul "Cakna Diri" (Edisi Remaja) Program ini dirangka khas untuk membantu golongan remaja agar lebih peka dan berwaspada dengan sebarang tingkah laku seksual melalui, isu-isu seksualiti seperti kehamilan yang tidak diingini dan masalah seksualiti remaja.
 - ii) "Modul Cakna Diri" (Edisi Ibu Bapa) pula bertujuan memberi panduan kepada ibu bapa dalam memahami perkembangan anak remaja dan meningkatkan pengetahuan berhubung pendidikan seksualiti dan kesihatan reproduktif remaja.
3. PEKERTI@PLKN Kerajaan melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dengan kerjasama Jabatan Latihan Khidmat Negara telah melaksanakan Program PEKERTI@PLKN semenjak tahun 2011 iaitu program yang dijalankan kepada golongan remaja yang berada di dalam program Latihan Khidmat Negara. Program ini memberikan kefahaman kepada golongan remaja bahawa tingkah laku seksual mempunyai kesan dan akibat kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Hingga Mac 2013, sebanyak 152,653 orang pelatih PLKN di 81 buah kem PLKN seluruh negara telah mendapat pendidikan tersebut.
4. PEKERTI@SEKOLAH Kerajaan melalui LPPKN dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan Program PEKERTI@SEKOLAH semenjak tahun 2012. Program ini telah dilaksanakan sebagai aktiviti kokurikulum di sekolah-sekolah terpilih seluruh Malaysia. Tujuan program antara lain adalah memberi pengetahuan akan bahaya dan risiko salah laku seks. Pelajar yang terlibat adalah murid tahun 6 iaitu selepas peperiksaan UPSR, pelajar tingkatan 3 selepas peperiksaan PMR dan pelajar Pendidikan Khas. Hingga November 2012, seramai 2,376 orang murid telah mengikuti program ini. Tuan Yang Dipertua, Berhubung statistik perkahwinan bawah umur, data Mahkamah Syariah merekodkan sejumlah 3,870 perkahwinan dari tahun 2010 hingga Mei 2013. Manakala statistik Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) pula menunjukkan terdapat sebanyak 1,533 perkahwinan bawah umur bagi tempoh yang sama. Bagi menangani isu perkahwinan bawah umur, Kerajaan melalui Majlis Penyelaras Bagi Perlindungan Kanak-Kanak telah menubuhkan satu task force bagi meneliti isu yang dibangkitkan oleh orang ramai. Task force ini ditubuhkan pada 31 Mei 2013 dan dipengerusikan oleh YBhg. Prof. Madya. Dr. Datin Nor Aziah Awal, Pakar Perundangan dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Ahli task force terdiri daripada agensi yang berkaitan dengan kanak-kanak seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendaftaran Negara, Kementerian Kesihatan serta ahli akademik dan aktivis kanak-kanak. Antara perkara yang akan diberi pertimbangan ialah kemungkinan untuk

mensyaratkan penyediaan dua jenis laporan iaitu laporan kesihatan oleh doktor perubatan dan laporan sosial oleh pakar psikologi kanak-kanak. Kedua-dua laporan ini mungkin dapat membantu Mahkamah Syariah (untuk kes orang Islam) dan YAB Ketua Menteri / Menteri Besar (untuk kes orang bukan Islam) membuat pertimbangan yang sewajarnya sebelum memberi kelulusan untuk perkahwinan bawah umur.

